


**Kertas Bil. 47/2014**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PEJABAT TANAH DAN DAERAH (JP-PADAT) BAGI  
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PEJABAT  
DAERAH DAN TANAH (“PDT”) GOMBAK**

---



**PENYATA**  
**JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT)**  
**MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (“PDT”) GOMBAK**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (Jawatankuasa) telah mengadakan satu lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah (“PDT”) Gombak pada hari Isnin, 26 Mei 2014.
- 1.2. Lawatan ke PDT Gombak merupakan salah satu daripada rangka kerja Jawatankuasa bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan pentadbiran PDT-PDT di Selangor. Jawatankuasa juga ingin mengetahui pencapaian dan permasalahan yang di hadapi PDT-PDT di Selangor. Lawatan ini adalah lawatan kedua yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa selepas melawat PDT Petaling pada 19 Mei 2014.
- 1.3. Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir pada lawatan ini terdiri daripada Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Kampung Tunku) selaku Pengurus, Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (ADN Kawasan Sri Muda), Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (ADN Kawasan Bangi), Y.B. Tuan Ng Sze Han (ADN Kawasan Kinrara) dan Y.B. Puan Gan Pei Nei (ADN Kawasan Rawang).
- 1.4. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Pegawai Daerah Gombak, Y.Bhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Setiausaha Bahagian Dewan/MMKN, Pn. Elya Marini binti Darmin, para pegawai PDT Gombak serta Urus Setia Jawatankuasa.

**2. TAKLIMAT AM BERKENAAN LATAR BELAKANG DAN PENCAPAIAN SEMASA PDT GOMBAK**

- 2.1. Jawatankuasa ini telah diberi penerangan tentang latar belakang am Daerah Gombak termasuk pecahan-pecahan mukim beserta statistik penduduk dan juga Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Daerah Gombak iaitu Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- 2.2. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa Daerah Gombak terdiri daripada empat buah mukim iaitu Rawang, Batu, Setapak dan Hulu Kelang dengan jumlah kluasan 65,008 hektar dengan jumlah penduduk melebihi 800,000 orang.

- 2.3. Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa harga tanah di Daerah Gombak sudah melonjak naik disebabkan lokasinya yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga jaringan lebuhraya yang baik. Namun demikian, Y.Bhg. Dato' Pegawai Daerah memberitahu bahawa kekangan infrastruktur masih lagi menjadi masalah yang agak serius buat Daerah Gombak selain isu banjir.
- 2.4. Y.Bhg. Dato' Pegawai Daerah juga menerangkan bahawa PDT Gombak melaksanakan pemberian-pemberian tanah berbentuk Geran dan Lesen Hakmilik Sementara (LPS/TOL) mengikut polisi-polisi serta dasar-dasar Kerajaan Negeri walaupun ada segilintir yang tidak bersetuju terutama sekali berkaitan permohonan TOL.
- 2.5. Jawatankuasa juga mengambil maklum bahawa PDT Gombak telah menetapkan satu KPI untuk dua (2) perkara utama iaitu maklumbalas terhadap apa-apa masalah/pertanyaan/permasalahan yang dibuat oleh orang ramai melalui apa-apa cara sekalipun (surat/SMS/aduan akhbar) mesti dijawab selewat-lewatnya dalam masa tujuh (7) hari dan permohonan e-consent mestilah dilaksanakan dalam masa sejam atau selewat-lewatnya satu (1) hari.
- 2.6. Y.Bhg. Dato' Pegawai Daerah juga memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa PDT Gombak muncul sebagai PDT yang memperolehi kutipan hasil cukai yang tertinggi berbanding PDT-PDT yang lain di Selangor. Berkenaan maklumat perjawatan PDT Gombak, Jawatankuasa ini diberitahu bahawa buat masa ini hanya 21 kekosongan yang masih belum diisi dan kesemua kekosongan bagi jawatan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred M41 ke atas) telah diisi. PDT Gombak juga memberitahu mereka mempunyai staf-staf lantikan kontrak dan juga staf-staf sambilan.
- 2.7. Taklimat kemudian diteruskan dengan pembentangan Sasaran Kerja Tahunan oleh En. Hafez bin Abdul Aziz, Ketua Penolong Pegawai Daerah Khidmat Pengurusan; En. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Ketua Penolong Pegawai Daerah Pengurusan Tanah dan En. Hassan bin Nordin Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Luar Bandar.
- 2.8. Taklimat kemudian diteruskan dengan pembentangan isu-isu yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa kepada PDT Gombak. Isu-isu berkenaan adalah seperti berikut:

### 2.8.1. Laporan prestasi kerja terhadap kutipan hasil.

Jadual (i): Perbandingan Hasil Cukai PDT Gombak Tahun 2013 dan 2014

PERIHAL	2013 (RM)	APRIL 2014 (RM)
HASIL CUKAI	57,352,912.12	29,809,152.74
- Semasa	48,876,158.54	27,539,049.25
- Tunggakan	5,629,321.48	1,641,851.39
- Denda lewat	2,847,339.10	628,204.10
- Cukai parit	93.00	48.00
HASIL BUKAN CUKAI	171,459,270.62	26,740,629.27
JUMLAH	228,812,182.74	56,549,782.01

- 2.8.1.1. PDT Gombak memaklumkan kepada jawatankuasa bahawa jumlah cukai yang telah dikutip (melibatkan kedua-dua hasil cukai dan hasil bukan cukai seperti lesen TOL, gadaian, pindahmilik dsb.) adalah sebanyak RM 228,812,182.74 untuk tahun 2013 dan RM 56,549,782.01 bagi tempoh sehingga bulan April untuk tahun 2014 seperti yang diterangkan di dalam Jadual 1 di atas. Jawatankuasa juga telah dimaklumkan bahawa bagi kutipan hasil cukai tanah, PDT Gombak telah berjaya mengutip 98.09% daripada jumlah hasil cukai tanah yang perlu dipungut (cukai semasa). Untuk tahun 2014 (bagi tempoh sehingga bulan April 2014) PDT Gombak telah berjaya mengutip 48.62% daripada jumlah hasil cukai tanah yang perlu dipungut (cukai semasa) dan 4.99% (cukai tunggakan).
3. Statistik penyediaan kertas kerja tentang permohonan tanah melalui “Skim Pemilikan Kediaman Persendirian”.

Jadual (ii): Jumlah Kelulusan MMKN Tahun 2012

1. JUMLAH PERMOHONAN YANG DIANGKAT UNTUK KELULUSAN MMKN	(76 KERTAS RINGKASAN) <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1451 PERMOHONAN</li> <li>• LULUS = 996</li> <li>• TOLAK = 455</li> </ul>
2. PERMOHONAN YANG DILULUSKAN BAGI TUJUAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN. (SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN)	866 PERMOHONAN <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Bendahara = 285</li> <li>• Kg Melayu Bt Arang = 44</li> <li>• Taman Daya, Kepong = 176</li> <li>• Pekan Pengkalan Kundang = 338</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selayang Pandang =23</li> </ul> <p>Manakala 130 diluluskan bagi lain-lain tujuan.</p>
--	--	--

Jadual (iii): Jumlah Kelulusan MMKN Tahun 2013

1.	<b>JUMLAH PERMOHONAN YANG DIANGKAT UNTUK KELULUSAN MMKN</b>	987 PERMOHONAN <ul style="list-style-type: none"> <li>• LULUS = 540</li> <li>• TOLAK = 168</li> <li>• KIV = 279</li> </ul>
2.	<b>PERMOHONAN YANG DILULUSKAN BAGI TUJUAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN. (SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN)</b>	477 PERMOHONAN <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Baru Bt Caves Selatan = 12</li> <li>• Kg Sri Indah = 224</li> <li>• Selayang Mutiara = 67</li> <li>• Kg Sg Bakau = 174</li> </ul> <p>Manakala 63 diluluskan bagi lain-lain tujuan</p>

Jadual (iv): Jumlah Kelulusan MMKN Tahun 2014

1.	<b>JUMLAH PERMOHONAN YANG DIANGKAT UNTUK KELULUSAN MMKN</b>	( 61 KERTAS RINGKASAN ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• 348 PERMOHONAN</li> <li>• LULUS = 25</li> <li>• TUNGGU KELULUSAN=134</li> <li>• TANGGUH = 119</li> <li>• TOLAK = 70</li> </ul>
2.	<b>PERMOHONAN YANG DILULUSKAN BAGI TUJUAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN. (SKIM PEMILIKAN TANAH KERAJAAN)</b>	25 PERMOHONAN <ul style="list-style-type: none"> <li>• Urusan Serahbalik dan berimilik ( sek 197 &amp; 76)</li> </ul>

- 3.1. PDT Gombak juga telah memberi makluman kepada Jawatankuasa berkenaan statistik penyediaan kertas kerja tentang permohonan tanah melalui "Skim Pemilikan Kediaman Persendirian" bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 (sehingga April 2014) seperti di Jadual (ii), (iii) dan (iv) di atas di mana permohonan-permohonan tersebut tertakluk kepada undang-undang, polisi serta dasar-dasar

Kerajaan Negeri yang sedia ada termasuklah Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 6/2011 Bertarikh 1 Jun 2011 dan juga Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor.

#### **4. Laporan lesen pendudukan sementara (LPS/TOL).**

*Jadual (v): Lesen Pendudukan Sementara (LPS/TOL)*

MUKIM	TAHUN						
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
BATU	33	28	27	21	12	60	33
RAWANG	116	86	83	128	14	225	142
SETAPAK	10	2	1	0	0	1	0
HULU KELANG	16	7	9	31	0	40	31
<b>JUMLAH</b>	<b>175</b>	<b>123</b>	<b>120</b>	<b>180</b>	<b>26</b>	<b>326</b>	<b>206</b>

- 4.1. PDT Gombak telah merekodkan Lesen Pendudukan Sementara yang masih aktif di Daerah Gombak seperti di dalam Jadual (v) di atas.

#### **5. Tuggakan permohonan pewartaan tanah perkuburan bagi orang bukan Islam dan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).**

*Jadual (vi): Tuggakan permohonan pewartaan tanah perkuburan bagi orang bukan Islam dan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).*

PERKARA	2013			2014		
	PERMOHONAN	STATUS	CATATAN	PERMOHONAN	STATUS	CATATAN
Perkuburan Bukan Islam	1	Tunggu Laporan Penolong Pegawai Tanah	Permohonan Baru	-	-	-

RIBI	5	2 – Tolak 3 – KIV Teknikal	-	-	-	-
------	---	----------------------------------	---	---	---	---

- 5.1. Jawatankuasa juga dibekalkan dengan maklumat berkenaan data pewartaan tanah – tanah perkuburan bagi orang bukan Islam yang masih tertunggak bagi tahun 2013 dan 2014 seperti Jadual di atas.
- 6. Status Terkini Serta Tindakan Yang Telah Dan Akan Diambil Berhubung Tanah Pusat Giatmara Selayang**

- 6.1. Pihak PDT Gombak telah menjelaskan kepada Jawatankuasa bahawa pihak GIATMARA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah telah membuat permohonan tetapi ianya tidak lengkap. Pihak GIATMARA perlu memohon melalui pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Pihak PDT telah membuat keputusan untuk memberi masa kepada mereka sehingga 31 Disember 2014 untuk melengkapkan apa-apa permohonan yang perlu. Sekiranya tindak, pihak PDT akan mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara.

## 7. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 7.1. Jawatankuasa telah menemukan beberapa isu yang menjadi permasalahan kepada PDT Gombak. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

### 7.1.1. Kutipan cukai tunggakan.

Mengikut perenggan 2.8.1.1, Jawatankuasa mendapati bahawa kadar kutipan cukai tunggakan di PDT Gombak adalah amat tinggi dan ini jarang berlaku di PDT-PDT yang lain. Jawatankuasa akan menjalankan siasatan selanjutnya pada akhir tahun ini.

### 7.1.2. Masa untuk satu-satu permohonan bagi urusan tanah untuk diproses agak perlahan dan tidak menepati polisi ‘first in first out’ yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.

Jawatankuasa telah mendapati jurang di antara permohonan dan pemprosesan tanah adalah agak besar terutamanya permohonan-permohonan yang di “KIV” kerana ianya bercanggah dengan polisi Kerajaan Negeri “first in first out”. Fenomena ini boleh dikesan melalui

bilangan permohonan yang ditangguh dan KIV yang masih banyak. Jawatankuasa difahamkan ini adalah berikutan kelewatan maklumbalas daripada Jabatan-Jabatan atau Agensi-Agenzi berkaitan dan juga kurangnya kerjasama daripada pemohon-pemohon sendiri untuk membekalkan dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat yang diperlukan. Biarpun begitu, kerajaan harus mengadakan satu pelan tindakan yang berkesan untuk memastikan semua jabatan kerajaan

**7.1.3. Pihak PBT telah mengeluarkan lesen perniagaan tanpa merujuk status dengan pejabat tanah.**

PDT Gombak telah memaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa pihak PBT telah memberikan lesen-lesen perniagaan, terutama sekali lesen-lesen bagi operasi pusat hiburan (karaoke), spa, kereta terpakai, perabot, 'hardware' dan sebagainya tanpa merujuk dahulu status tanah premis tersebut dengan pihak PDT Gombak. Kebanyakkan premis-premis tersebut didirikan di atas tanah-tanah kerajaan atau tanah hak milik persendirian yang masih belum ditukar syarat.

Namun demikian, Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa masalah ini merupakan masalah lama yang di bawa ke hadapan dan diberi jaminan bahawa ianya tidak akan berulang.

**7.1.4. Tanah yang dirampas tiada tindakan susulan daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).**

Jawatankuasa juga telah mendapati bahawa terdapat tanah-tanah yang dirampas masih terus diduduki dan tiada tindakan susulan daripada PTGS. PDT memaklumkan bahawa walaupun notis-notis dan rampasan telah dilakukan melalui saluran undang-undang dan diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri tetapi pemilik tanah yang dirampas tersebut masih menjalankan aktiviti perniagaan mereka di atas tanah tersebut. Sebagai contoh, Kem Ghafar Baba di Hulu Kelang dan sebuah kedai perabot di Rawang masih lagi menjalankan aktiviti perniagaan mereka di atas tanah tersebut walaupun rampasan sudah diwartakan.

### **7.1.5. Pertentangan/konflik antara dasar dengan KTN/tindakan penguatkuasaan.**

Jawatankuasa dimaklumkan oleh pihak PDT Gombak bahawa terdapat beberapa konflik di Antara Dasar Kerajaan Negeri dan juga peruntukan Kanun Tanah Negara (KTN). Sebagai contoh, dasar Kerajaan Negeri buat masa ini adalah permohonan tanah akan ditolak jika laporan Pegawai Petempatan menyatakan tiada ‘usaha dilakukan’ oleh pemohon. Sedangkan apabila pemohon mengusaha tanah terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan, tindakan penguatkuasaan/Notis 425 KTN (peroboh) akan diambil ke atas pemohon kerana berlaku pencerobohan haram di atas tanah kerajaan.

### **7.1.6. Gangguan ‘Gangsterisme’.**

Jawatankuasa juga telah mendapati gangguan-gangguan berbentuk ‘keganasan’ berlaku apabila individu/pihak tertentu menduduki tanah kerajaan secara haram dan apabila tindakan penguatkuasaan hendak diambil, pihak PDT Gombak menghadapi tantangan/ancaman yang membahayakan/mengancam nyawa/keselamatan diri dan keluarga.

### **7.1.7. Pendudukan haram di atas Tanah Rezab.**

Pihak Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa masalah setinggan amat berleluasa terutama sekali di atas tanah rezab sungai, jalan, paip air, dan stesen keretapi. Secara amnya, PDT Gombak memaklumkan bahawa buat masa ini terdapat lebih kurang 1500 ke 2000 unit kediaman yang didirikan di atas tanah-tanah rezab. Sebagai contoh, di Taman Seri Gombak Indah, Wira Damai dan di kawasan Rawang terdapat banyak kediaman setinggan (walaupun sudah lebih daripada 15 tahun) tetapi tidak mendapat hakmilik atau masih dalam proses kerana tanah tersebut adalah tanah kerajaan.

### **7.1.8. Permit pasir SEMESTA.**

Masalah banjir amat ketara di daerah Gombak. Namun bagi banjir yang diakibatkan oleh mendapan pasir, ia berlaku di kawasan Sungai Pusu apabila longgokan pasir sungai turun ke hilir dan mendap di kawasan tersebut. Permit pasir dicadangkan supaya dikeluarkan oleh Pihak Semesta bagi kawasan-kawasan serius di landa banjir. Polisi kerajaan

negeri, permit hanya boleh dipohon oleh pihak SEMESTA dan kelulusan diberi oleh PDT. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa pihak SEMESTA ada memohon kepada PDT Gombak untuk mengorek dan mengeluarkan pasir-pasit tersebut tetapi hanya dilonggokkan di tepi dan tidak dikeluarkan kerana jumlah pasir yang agak sedikit.

#### **7.1.9. Isu Rumah Ibadat Bukan Islam.**

Jawatankuasa dimaklumkan bahawa sekiranya Rumah Ibadat ini dibina di atas tanah hak milik atau tanah rizab, ia tidak boleh diwartakan. Pihak PDT ada mengeluarkan Notis, tetapi tidak diendahkan. Pembinaan tetap diteruskan tetapi tidak boleh diwartakan.

### **8. SARANAN JAWATANKUASA**

- 8.1. Bagi penemuan yang pertama, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu bengkel yang melibatkan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan kesemua PDT di Negeri Selangor untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian dan seterusnya menetapkan satu KPI supaya perkara berkenaan kutipan tunggakan cukai ini dapat diselesaikan dalam masa setahun memandangkan masalah tunggakan cukai juga berlaku di beberapa Pejabat Daerah dan Tanah yang lain di Selangor.
- 8.2. Bagi penemuan kedua, Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu cara pemantauan yang lebih berkesan dan telus terhadap proses permohonan bagi apa-apa urusan tanah. Jawatankuasa mencadangkan supaya satu sistem ‘tracking’ bagi setiap permohonan dapat diwujudkan di mana proses bagi setiap permohonan dimuatnaik ke dalam laman web-laman web PTD dan perlu dikemaskini setiap kali satu-satu proses selesai. Para pelanggan hanya perlu memasukkan nombor fail mereka ke dalam sistem tersebut. Cara ini membolehkan para pelanggan memantau di peringkat manakah permohonan mereka sedang berada, sama ada di peringkat PTD, Jabatan-Jabatan teknikal atau sebagainya.
- 8.3. Bagi penemuan ketiga, Jawatankuasa mencadangkan supaya pihak PDT dapat membawa isu ini kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan PBT terlibat untuk tindakan yang selanjutnya. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan adalah memohon tindakan bersama dengan Pasukan Penguatkuasa PBT.

- 8.4. Bagi penemuan keempat, Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri melalui MMKN untuk menetapkan satu tatacara/garis panduan disusuli dengan penguatkuasaan yang lebih tegas untuk memastikan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri tidak lagi diceroboh. Papan-papan tanda harus didirikan di atas semua tanah kerajaan untuk memaklumkan kepada orang awam bahawa sesuatu tanah itu ialah tanah kerajaan dan penceroboh akan didakwa.
- 8.5. Bagi penemuan kelima, Jawatankuasa menyarankan supaya pihak Kerajaan hanya akan mempertimbangkan kelulusan bagi permohonan-permohonan penerokaan tanah sebelum tahun-tahun tertentu (misalnya penerokaan sebelum tahun 2000) bagi mengelakkan salah faham dan pencerobohan di masa yang akan datang.
- 8.6. Bagi penemuan keenam, Jawatankuasa mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan untuk menambah bilangan kakitangan bagi Unit Penguatkuasaan PDT-PDT. Pihak Kerajaan Negeri juga boleh menu buhkan satu unit Polis Bantuan khas bagi PDT atau PBT supaya penguatkuasaan dapat diperhebat dan diperkasakan. Buat masa terdekat ini, pihak PDT disarankan untuk bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- 8.7. Bagi penemuan ketujuh, Jawatankuasa mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu bengkel bagi melihat dan mengkaji masalah pencerobohan tanah Kerajaan memandangkan isu ini amat serius terutama skali di Daerah Gombak.
- 8.8. Bagi penemuan kelapan, Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula dasar berkaitan proses pengeluaran permit pasir untuk penambahbaikan. Jawatankuasa merasakan bahawa satu jalan tengah di antara kepentingan komersial dan kepentingan sosial perlu dicapai demi kebaikan bersama.
- 8.9. Bagi penemuan kesembilan, Jawatankuasa akan memohon kepada pihak PDT supaya satu senarai lengkap rumah-rumah ibadat ini yang dibina di atas tanah rezab dapat dibekalkan kepada Jawatankuasa untuk siasatan yang selanjutnya.
- 8.10. Jawatankuasa juga menyarankan supaya Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan oleh PTGS bagi memberi maklumbalas terhadap sebarang aduan yang diterima daripada pihak pelanggan dapat dipatuhi oleh semua PDT di Selangor. Buat masa ini, tempoh bagi memanjangkan aduan kepada bahagian/jabatan berkaitan adalah selama tiga (3) hari manakala sebarang

maklumbalas perlu dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh tujuh (7) hari selepas maklumbalas diterima. Jawatankuasa mencadangkan agar kerajaan menjalankan audit yang tegas terhadap pematuhan Piagam Pelanggan ini oleh setiap PDT.

- 8.11. Jawatankuasa berharap supaya sebarang kekosongan perjawatan perlu diisi dengan kadar segera terutama sekali kekosongan di unit-unit kritikal seperti pembangunan tanah serta unit-unit teknikal.
- 8.12. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat memberi sekurang-kurangnya 1% daripada kutipan hasil Negeri oleh PDT-PDT tertentu atau apa-apa imbuhan yang setimpal sebagai insentif kepada PDT-PDT sekiranya sasaran bagi kutipan hasil dapat dicapai, khususnya kutipan cukai tunggakan. Ini adalah bagi tujuan kebijakan warga kerja serta penambahbaikan bangunan dan infrastruktur bangunan PDT Gombak yang agak tua.

## 9. PENUTUP

- 9.1. Jawatankuasa ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
- 9.2. Semoga segalan saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN. Sekian, terima kasih.



Y.B.TUAN LAU WENG SAN

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah (JP-PADAT)

Oktober 2014

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT):

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)   | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei<br>(ADN Kawasan Sri Muda)                                     | Ahli      |
| 3. | Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)   | Ahli      |
| 4. | Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)   | Ahli      |
| 5. | Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah<br>(ADN Kawasan Bangi)   | Ahli      |
| 6. | Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan<br>(ADN Kawasan Gombak Setia)                                    | Ahli      |
| 7. | Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Idrus<br>P.G.D.K., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K.<br>(ADN Kawasan Gombak Kuang) | Ahli      |

## **URUS SETIA**

---

1. Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
  2. Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
  3. Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha (Dewan)
  4. Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
  5. Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
  6. Encik Muhammad Khairil bin Khalid  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
-



**Latar Belakang Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah Gombak**

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak di wujudkan pada 1 Februari 1974 yang pada mulanya beroperasi di Jinjang, Kuala Lumpur sehingga tahun 1981. Kemudian berpindah ke bangunan baru di KM 16, Jalan Rawang, 68100 Batu Caves.

Pentadbiran Daerah Gombak merangkumi kawasan—kawasan yang disusun semula :	Mukim Ampang	Peralihan daripada Hulu Langat
	Mukim Hulu Kelang	Peralihan daripada daerah Kuala Lumpur
	Mukim Setapak	Peralihan daripada daerah Kuala Lumpur
	Mukim Batu	Peralihan daripada daerah Kuala Lumpur
	Mukim Rawang	Peralihan daripada daerah Hulu Selangor dan Kuala Selangor

Bangunan Tersebut di namakan Bangunan Sultan Sulaiman dan telah dirasmikan pada hari sabtu 10 September 1983 bersamaan 3 Zulhijjah 1703 Hijrah oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Al-marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah.


Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah terlibat dalam penstrukturkan semula organisasi jabatan yang melibatkan seluruh Pejabat Daerah dan Tanah di Malaysia.



Penstrukturkan semula Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah dikuatkuasakan pada 16 Ogos 2008 mengikut Waran Perjawatan S.K.P.BiB/15/2012 PWN.Sel.(A) 300 Jld 25(28) bertarikh 14 Mei 2012.

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah di kategorikan sebagai Model Metropolitan oleh pihak MAMPU berdasarkan kepada kriteria—kriteria berikut : -

- Keluasan Tanah >1,500 kmp.
- Pengguna tanah Bandar >15% daripada keluasan tanah.
- Jumlah Penduduk >800,000 orang.
- Kepadatan penduduk >700 orang bagi setiap kilometer persegi.
- Pekerjaan penduduk >95% dalam sektor Bandar.

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak terbahagi kepada 3 bahagian selepas penstrukturkan tersebut.







CARTA FUNGSI PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK		
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH	BAHAGIAN PEMBANGUNAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.</li> <li>❖ Bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan (servis) warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.</li> <li>❖ Bertanggungjawab untuk menguruskan peruntukan belanja mengurus dan perolehan pejabat serta lain-lain hal kewangan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.</li> <li>❖ Bertanggungjawab untuk menguruskan program rasmi Majlis dan Kerajaan peringkat daerah dan negeri.</li> <li>❖ Bertanggungjawab untuk menguruskan peralatan teknologi maklumat (ICT) untuk kegunaan warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Bertanggungjawab kepada Pihak Berkusa Negeri terhadap Dasar dan Polisi Pentadbiran Tanah selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara 1965.</li> <li>❖ Bertanggungjawab dalam perlaksanaan Dasar dan Polisi Pentadbiran Tanah mengikut arahan Pihak Berkusa Negeri dan Kanun Tanah Negara 1965.</li> <li>❖ Bertanggungjawab untuk memastikan kutipan hasil yang maksima.</li> <li>❖ Bertanggungjawab dalam memberantas dan mencegah pencerobohan tanah-tanah kerajaan dan sumber alam di peringkat Daerah Gombak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Bertanggungjawab dalam memastikan perlaksanaan projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam diagihkan secara saksama dan seimbang.</li> <li>❖ Bertanggungjawab dalam memastikan institusi JKKK dalam Daerah Gombak berfungsi dengan baik sebagai agen dalam penyampaian Dasar dan Polisi Pihak Berkusa Negeri kepada segenap lapisan masyarakat.</li> </ul>


MAKLUMAT PERJAWATAN	
TARAF JAWATAN	JUMLAH
WARAN PERJAWATAN TETAP	198
KEKOSONGAN TETAP	21
PENGISIAN TETAP	177
KONTRAK	
I. LANTIKAN SUK	16
II. LANTIKAN BENDAHARI	01
III. LANTIKAN JKPTG	05
IV. LANTIKAN LPHS	
V. LANTIKAN ICT	(1 TETAP 1 KONTRAK)
SAMBILAN	01
JUMLAH	205
GRED JAWATAN	JUMLAH
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	14
SOKONGAN 1	141
SOKONGAN 2	49
JUMLAH	204



SILA KLIK









PERIHAL	2013 (RM)	APRIL 2014 (RM)
	KUTIPAN HASIL DAERAH GOMBAK TAHUN 2013 – APRIL 2014	
HASIL CUKAI	57,352,912.12	29,809,152.74
- Semasa	48,876,158.54	27,539,049.25
- Tunggakan	5,629,321.48	1,641,851.39
- Denda lewat	2,847,339.10	628,204.10
- Cukai parit	93.00	48.00
HASIL BUKAN CUKAI	171,459,270.62	26,740,629.27
JUMLAH	228,812,182.74	56,549,782.01











BIL	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN % TAHUN	ULASAN
1.	<p>Sasaran kutipan cukai tanah yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Hasil adalah seperti berikut :</p> <p>1. <u>Cukai Semasa</u> Cukai sepatut dikutip Kutipan hingga 30hb April 2014</p> <p>2. <u>Tunggakan</u> Cukai sepatut dikutip Kutipan hingga 30hb April 2014</p>	<p>RM 61,312,084.19</p> <p>RM45,421,439.58</p>	<p>RM27,539,094.25 (44.91%)</p> <p>RM2,270,055.19 (4.99%)</p>	<p>Sedang berusaha bagi mencapai kutipan maksima</p> <p>Ini tidak termasuk pembersihan data. Hanya berdasarkan kutipan dan Operasi yang dilakukan</p>

BIL	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN % TAHUN	ULASAN
2.	<b>Aktiviti Bagi Meningkatkan Kutipan Hasil Tanah dan Kutipan tunggakan :-</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Kaunter Kutipan Luar</li> <li>2. Ops Ketuk Pintu</li> <li>3. Surat Peringatan</li> <li>4. Turun Padang berjumpa Penunggak           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perjumpaan Pagi (Breakfast Meeting) di tempat pemilik tanah atau di Pejabat Daerah</li> <li>- Perjumpaan "dinner Talk" bersama penunggak pada waktu malam bagi membincangkan permasalahan yang berhubung cukai tanah</li> </ul> </li> </ul>	7 kali 20 kali 2400 Surat 12 kali	4 kali (57.14%) 22 kali (110%) 1693 surat (70.54%) 8 kali (66.66%)	Januari - Disember Januari - Disember Januari - Disember Januari - Disember

BIL	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN % TAHUN	ULASAN
3.	5. Notis 6A 6. Borang 8A <b>KURSUS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bengkel Motivasi Berkesan Dalam Organisasi</li> <li>b) Kursus Kewangan (Amanah/ Deposit)</li> </ul>	50 Notis 50 Borang 1 Kali 1 Kali	31 Notis (62%) 1 Borang (2%) 1 Kali (100%)	Januari - Disember 1 Notis 6A telah tamat pada awal Mac dan 49 Notis akan tamat pada bulan Jun dan Julai 2014 Telah dilaksanakan Bengkel Kaunter Berkualiti pada 14 – 16hb Mac 2014 Dijangka dilaksanakan pada bulan Julai/Ogos 2014











**LAPORAN LESEN PENDURUKAN SEMENTARA YANG MASIH AKTIF DAERAH GOMBAK**

MUKIM	TAHUN						
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
BATU	33	28	27	21	12	60	33
RAWANG	116	86	83	128	14	225	142
SETAPAK	10	2	1	0	0	1	0
HULU KELANG	16	7	9	31	0	40	31
JUMLAH	<u>175</u>	<u>123</u>	<u>120</u>	<u>180</u>	<u>26</u>	<u>326</u>	<u>206</u>



PERKARA	2013			2014		
	PERMOHONAN	STATUS	CATATAN	PERMOHONAN	STATUS	CATATAN
Surau	1	Mohon Pelan Pre Com		11	1 Permohonan - Tunggu Laporan Penolong Pegawai Tanah	Pemohonan Baru
Perkuburan Islam				10	Permohonan - Tunggu Laporan dari Pelukis Pelan	
Perkuburan Bukan Islam	1	Tunggu Laporan Penolong Pegawai Tanah	Permohonan Baru	2	Tunggu Laporan dari Pelukis Pelan	Pemohonan Baru
Rumah Ibadat Bukan Islam	5	2 - Tolak 3 - KIV Teknikal		-	-	-






### 3) PERTENTANGAN/KONFLIK ANTARA DASAR DENGAN KTN/TINDAKAN PENGUATKUASAAN

- Permohonan tanah akan ditolak jika laporan Pegawai Retempatan menyatakan tiada ‘usaha dilakukan’ oleh pemohon. Akibatnya permohonan ditolak. Sedangkan apabila pemohon mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan, tindakan penguatkuasaan/Notis 425 KTN (peroboh) akan diambil kelatas pemohon kerana berlaku pencerobohan haram di atas tanah Kerajaan.
- Unit Penguatkuasaan dan Unit Pelupusan sentiasa menghadapi masalah dengan masyarakat

### 4) GANGGUAN GENSTERISM

- Individu/pihak tertentu menduduki tanah kerajaan secara haram dan apabila tindakan penguatkuasaan hendak diambil menghadapi tantangan/ancaman nyawa/keselamatan diri dan keluarga.




**5) PENDUDUKAN HARAM DI ATAS TANAH REZAB**

- Setinggan bereluasa di atas tanah rezab sungai, jalan, paip air, dan stesen keretapi.

Cadangan: Pihak kerajaan perlu meluluskan permohonan tanah rezab jika tanah tersebut telah tidak diperlukan lagi untuk pembangunan di masa hadapan. Ini akan mengurangkan masalah setinggan. Ulasan teknikal perlu diperolehi daripada agensi berkaitan seperti TNB, JKR, JPS, Syabas/Puncak Niaga dsb.

37




**6) PERMIT PASIR SEMESTA**

- SEMESTA hendaklah menyalurkan permit mengeluarkan pasir bagi kawasan – kawasan yang serius di landa banjir walaupun tidak melibatkan kawasan yang besar.

38

## RIBI

- Setiap permohonan yang dirujuk ke RIBI sukar untuk mendapatkan keputusan yang jelas dan sering tangguh. PTD menghadapi kesulitan untuk bertindak atas dasar sensitiviti keagamaan.



## HASIL

- Mohon 1% daripada kutipan hasil Negeri sebagai imbuhan kepada PTD

